



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

---

**30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

# Gagal patuhi TTPM, pengarah dipenjar

**PUTRAJAYA** : Seorang pengarah syarikat warga tempatan dipenjar tiga tahun kerana gagal mematuhi *award* (pampasan) Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk membayar kepada tiga pihak yang menuntut wang berjumlah RM22,106.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, lelaki berkenaan dikenakan hukuman atas pertuduhan di bawah Seksyen 117 Akta Perlindungan Pengguna 1999 - Ketidakpatuhan *award* TTPM pada 24 September lalu.

Menurutnya, pendakwaan dilakukan Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP, melibatkan tiga kes saman bagi kesalahan di bawah Subseksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 ke atas Orang Kena Saman (OKS) iaitu seorang lelaki warga tempatan yang merupakan pengarah syarikat Want To Go Holiday

Sdn. Bhd.

"Mengikut fakta kes, tertuduh gagal mematuhi *award* Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) untuk membayar kepada tiga pihak yang menuntut wang berjumlah masing-masing RM4,999, RM6,228 dan RM10,879.

"Tertuduh didakwa di bawah Subseksyen 117(1) Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya," jelasnya menerusi kenyataan, hari ini.


Azman berkata, bagi kesalahan yang berterusan, boleh denda tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari atau sebahagian hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Tambahnya lagi, setelah selesai perbicaraan, OKS gagal membuktikan keraguan yang munasabah di peringkat pembelaan.



**PENGARAH** syarikat warga tempatan dipenjar tiga tahun kerana gagal mematuhi *award* TTPM. - FOTO KPDNHEP





**New fuel prices**  
Sept 30 - Oct 6

RON95	<b>RM2.05</b> (unchanged)
RON97	<b>RM2.76</b> (+1 sen)
DIESEL	<b>RM2.15</b> (unchanged)

The image shows a rectangular sign with a red fuel pump icon in a circle on the left. The text is arranged in a list format, with fuel types on the left and prices on the right. The prices are in large, bold red font, and the change status is in smaller black font below each price. The sign is placed on a light-colored surface, possibly a wall or a board.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(AGENSI)**

---

---

**30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

## SSM nafi kebocoran data perniagaan di Malaysia

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menafikan dakwaan terdapat kebocoran data melibatkan entiti perniagaan di Malaysia seperti dilaporkan beberapa portal pada Rabu.

SSM dalam satu kenyataan memaklumkan, pihaknya telah menjalankan siasatan dalaman dan menjamin semua maklumat korporat yang diserahkan adalah selamat.

"Maklumat tersebut juga dilindungi oleh beberapa lapisan teknologi keselamatan maklumat yang diiktiraf.

"SSM akan bekerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi menjalankan siasatan lanjut terhadap dakwaan ini," jelas kenyataan itu pada Rabu.

Media pada Rabu melaporkan dakwaan profil anggaran 1.4 juta syarikat di Malaysia dijual dalam talian.

Data tersebut termasuk butiran, pengarah dan pemegang taruh syarikat yang didakwa telah dikeluarkan SSM.

Sementara itu, SSM turut menyarankan orang awam supaya merujuk maklumat entiti perniagaan berkaitan syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhadap melalui portal yang diiktiraf.

"Antara saluran tersebut ialah [www.ssm4u.com.my](http://www.ssm4u.com.my), [www.ssm-einfo.my](http://www.ssm-einfo.my) dan [www.mydata-ssm.com.my](http://www.mydata-ssm.com.my).

"Selain itu, SSM juga menyediakan maklumat berkaitan entiti-entiti perniagaan di Malaysia yang disahkan benar secara digital (Digital CTC) melalui portal di atas yang boleh disemak kesahihan maklumat diterima melalui aplikasi telefon pintar SSM DCTC QR Code Reader.

"Untuk sebarang aduan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Panggilan SSM di talian 03-77214000," kata kenyataan itu.